

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad ("Kami")
Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Femina Special . Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Femina Special Tarikh : 01/01/2018

1. Apakah produk ini?

Produk ini memberi perlindungan kemalangan diri dan juga perlindungan terhadap penyakit-penyakit kanser yang berkaitan dengan wanita serta perlindungan terhadap jenayah, di dalam satu pelan komprehensif.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep Wakalah, di mana para peserta melantik Kami supaya bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am. Sebagai ejen, Pengendali Takaful berhak menerima Fi Wakalah sebagai caj perkhidmatan. Fi Wakalah adalah seperti berikut:

Butir-butir	(% daripada sumbangan)
• Komisen dibayar kepada wakil	25%
• Perbelanjaan Pengurusan	Sehingga 20%
Jumlah Fi Wakalah	Sehingga 45%

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru', di mana para Peserta bersetuju untuk membayar sumbangan mereka kepada Dana Takaful Am bagi tujuan saling bantu membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana Takaful Am, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, diagih 50% di kalangan peserta dan 50% kepada Kami sebagai fi prestasi. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai 'amal jariah' bagi pihak Peserta.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang diberi?

Berikut adalah ringkasan manfaat-manfaat Femina Special:

No	Jadual Manfaat-manfaat	Jumlah Perlindungan (RM)
1	Kematian akibat kemalangan	100,000
2	Ketidakupayaan kekal	200,000
3	Tunai ihsan	2,000
4	Kanser wanita	20,000
5	Kematian akibat komplikasi bersalin	20,000
6	Pembedahan rekonstruktif muka atau rawatan pergigian akibat kemalangan	10,000
7	Tunai ihsan akibat ketidaksuburan akibat kemalangan	10,000
8	Elaun kemasukan ke hospital akibat kemalangan	100 sehari, sehingga 10,000
9	Perbelanjaan kemalangan akibat kemalangan	5,000
10	Pembedahan kulit akibat kemalangan dan/atau kelecuran	5,000
11	Yuran ambulans	500
12	Penculikan	30,000
13	Ragut	1,000
14	Pelindungan pengeluaran tunai mesin juruwang automatik	1,000
15	Tunai ihsan bagi keganasan rumah tangga	500
16	Bonus kemakmuran keluarga bagi kelahiran anak kembar dia atau lebih	1,000

Tempoh perlindungan ialah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful anda secara tahunan.

Nota: Sila rujuk kepada sijil takaful untuk maklumat lanjut berkeraan manfaat di atas.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Umur (tahun)	Sumbangan Tahunan (RM) (termasuk GST)
18 - 40	270.30
41 - 60	503.50
61 - 70	503.50

- Pembaharuan sijil adalah terpakai dari umur 61 hingga 70, tertakluk kepada syarat bahawa kami berpuas hati dengan kesihatan anda. Sumbangan pembaharuan adalah berdasarkan peringkat umur 41 – 60.
- Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan mungkin akan dinaikkan atau berbeza semasa sijil diperbaharui, berdasarkan kepada pencapaian usia empat puluh satu (41) tahun atau pengalaman tuntutan portfolio kami di dalam perniagaan ini.
- Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barang & Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun (RM)
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	6% daripada sumbangan
Duti Setem	10.00

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

Kepentingan pendedahan

- a. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful anda.
- c. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Tempoh Bertenang - Anda mempunyai hak untuk mengembalikan perakuan itu selepas mengkaji terma-terma dan syarat-syarat dalam masa lima belas (15) hari kalender dari tarikh penyampaian sijil. Anda layak menerima pulangan caruman penuh yang dibayar tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh kami dalam proses mengeluarkan perakuan itu, jika ada.

Tempoh menunggu – tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang penyakit yang dihadapi semasa tiga puluh (30) hari dari tarikh takaful berkuatkuasa untuk tahun pertama sijil kecuali untuk kemalangan.

Kanser Wanita - Untuk manfaat kanser wanita, terdapat tempoh survival selama tiga puluh (30) hari dari tarikh diagnosis kanser wanita.

Bonus Kemakmuran Keluarga - Tempoh menunggu untuk manfaat bonus kemakmuran keluarga adalah sembilan (9) bulan dari tarikh takaful berkuatkuasa.

Bayaran Sebelum Perlindungan (CBC) – sumbangan hendaklah dibayar kepada kami atau wakil kami yang diiktiraf sebelum tarikh perlindungan sijil dikuatkuasakan

Tuntutan – jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa 30 hari dari tarikh kemalangan itu berlaku.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai lengkap terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di dalam sijil.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?

- a. Penyakit sedia ada;
- b. Penyakit khusus yang berlaku dalam 120 hari pertama dari tarikh takaful berkuatkuasa;
- c. Keadaan kongenital;
- d. Mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau percubaan bunuh diri;
- e. Mabuk akibat alkohol atau dadah;
- f. AIDS atau kehadiran sebarang HIV;
- g. Gangguan mental dan saraf;
- h. Komplikasi penyakit venereal;
- i. Perjalanan udara selain daripada penumpang di dalam pesawat udara yang berlesen untuk membawa penumpang;
- j. Mengambil bahagian dalam sebarang pekerjaan, sukan atau hobi berbahaya; atau
- k. Sebarang tindakan perang, mogok, rusuhan atau kekecohan awam, kontaminasi radioaktif atau nuclear dan tindakan penganasan dll.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di dalam sijil.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis dan menyerahkan Sijil Takaful asal anda kepada kami. Atas pembatalan tersebut, anda boleh mendapat kembali sebahagian sumbangan anda dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat sepanjang tempoh takaful.

9. Apa yang perlu saya lakukan jika maklumat perhubungan berubah?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang takaful kemalangan diri, sila rujuk buku panduan maklumat infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa General Takaful Berhad (1239197-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqa Oneline: 1300 13 8888

E-mel: info@etiqqa.com.my

Laman Utama: www.etiqqa.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful kemalangan diri yang boleh didapati

Sila rujuk kepada cawangan kami atau wakil kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM SIJIL ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA MESTI BACA, FAHAMI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2018.